

11/12/1999

Laporan FEER, penafian Gus Dur kurang mantap

Johari Mohd

PENAFIAN Indonesia, bahawa Presiden Abdul Rahman Wahid atau Gus Dur tidak membuat kenyataan Malaysia meminta republik itu menjadi orang tengah untuk mendekatkan hubungan dengan Israel boleh disifatkan sebagai melepaskan batuk ditangga.

Ia menunjukkan seolah-olah Indonesia memandang ringan bantahan keras Malaysia disampaikan beberapa hari lalu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Rabu lalu berkata, Malaysia tidak pernah berkeinginan menjalin hubungan dengan Israel dan apa yang dinyatakan Gus Dur itu tidak berasas sama sekali.

Majalah Far Eastern Economic Review (FEER), keluaran 9 Disember lalu dalam kolum Intellegencinya mendakwa Gus Dur memberitahu sekumpulan wartawan yang mengikutinya ketika melawat Timur Tengah baru-baru ini bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pertolongannya untuk mengadakan hubungan lebih rapat dengan Israel.

Menteri Luar Negeri Indonesia, Alwi Shihab dalam sidang akhbar di Jakarta kelmarin berkata, kenyataan Gus Dur yang dilaporkan oleh FEER itu tidak berasas sama sekali dan amat dikesalkan.

Beliau menegaskan dalam pertemuan antara Dr Mahathir dan Gus Dur di Kuala Lumpur yang turut dihadirinya tidak langsung membincang perkara berkaitan dengan Israel.

Gus Dur juga dikatakan tidak pernah mengaitkan Malaysia dengan Israel dalam lawatan beliau ke luar negara termasuk Timur Tengah dan Cina.

"Saya tidak pernah dengar Gus Dur ada menyentuh mengenai Malaysia terhadap apa juga perkara yang membabitkan Israel," jelasnya.

Malah, beliau menyoal apa sebenarnya motif majalah itu membuat laporan itu. Apakah ia disengajakan dengan tujuan tertentu atau salah dengar apa yang dikatakan oleh Gus Dur.

Sehubungan itu, Alwi berharap kerajaan Malaysia memahami dan berpuas hati dengan penjelasannya itu kerana Indonesia tidak pernah berniat jahat terhadap negara jirannya.

Alwi juga berkata, Indonesia tidak mahu hubungan baik dengan Malaysia dikeruhkan oleh laporan yang sengaja diputar belitkan. "Gus Dur menghormati Dr Mahathir dan tidak pernah berniat untuk memperkecilkan Malaysia," katanya.

Persoalannya, apakah benar Gus Dur tidak membuat kenyataan itu? Jika benar Gus Dur tidak berbuat demikian mengapa Alwi dalam keterangannya menyatakan bahawa Gus Dur "berasa" tidak pernah membuat kenyataan itu. Ini memberi gambaran seolah-olah beliau tidak begitu pasti apakah telah membuat kenyataan itu atau tidak.

Kiranya beliau tidak langsung membuat kenyataan itu, Gus Dur atau Alwi harus berterus terang menafikannya.

Laporan itu juga amat mengaibkan kerana ia memberi gambaran seolah-olah Malaysia telah pun menjalin hubungan dengan Israel, walhal tidak ujud sebarang hubungan pun antara Malaysia dengan Israel.

Selain itu Alwi juga menyatakan Indonesia tidak akan menyaman majalah itu. Beliau hanya hendak "berbicara" dengan wakil majalah itu kalau ada. Alwi juga memberi alasan perkara itu tidak perlu dihebohkan lagi ketika ditanya wartawan mengapa Indonesia tidak menyaman majalah berkenaan.

Indonesia juga tidak dengan sendirinya membuat penafian laporan majalah itu. Penafian hanya dibuat selepas menerima bantahan Malaysia. Apakah gambaran yang boleh disimpulkan dari keadaan demikian ini?

Soal Malaysia minta sebuah negara lain untuk menjalin "hubungan lebih erat" dengan Israel juga tidak masuk akal kerana sememangnya Malaysia tidak berhasrat langsung mengadakan apa-apa hubungan dengan Israel dalam keadaan sekarang.

Malah Israel yang beberapa kali telah cuba untuk mendekati Malaysia tanpa mendapat apa-apa layanan. Apakah tidak mungkin Israel yang sebenarnya meminta bantuan Gus Dur untuk menjadi orang tengah bagi mengadakan hubungan dengan Malaysia? Malangnya Gus Dur telah keliru ketika membuat kenyataan.

Ini tidak mustahil menyedari sikap Gus Dur yang sering bercakap lepas tanpa menyedari kesannya. Malah, rakyat Indonesia sendiri menganggap pemimpin mereka itu "ceplas ceplus" (cakap lepas) dan plin plan (tak tentu arah).

Gus Dur perlu menyedari bukan mudah menjadi seorang presiden kerana sebarang kenyataan yang dibuat diberi perhatian oleh dunia. Oleh itu, beliau perlu berhati-hati sebelum membuat sebarang kenyataan terutamanya yang menyentuh hubungan dengan sebuah negara lain lebih lagi dengan negara jiran yang ia punyai hubungan yang amat erat.

Ini ialah kali kedua beliau membuat kenyataan yang amat mengaibkan mengenai Malaysia. Pertama dulu beliau menuduh Menteri Malaysia sukar diditemui kerana sentiasa bermain golf. Apakah boleh kita berharap beliau tidak lagi bersikap "ceplas ceplus" mengenai Malaysia?

(END)